

28 NOV 1996

PM LANCARKAN PELAN INDUK PERINDUSTRIAN

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melancarkan Pelan Induk Perindustrian kedua (PIP2) di sini hari ini yang akan mengorak langkah perindustrian jangka panjang untuk negara ini sehingga tahun 2005.

Dr. Mahathir, yang melancarkan pelan 10 tahun bermula tahun ini di dalam perutusannya yang terkandung di dalam laporan PIP2 setebal 453 halaman berkata usaha hendaklah dipergiatkan untuk memperkenalkan Malaysia sebagai sebuah negara pengeluar barangan dan perkhidmatan yang berkualiti di dunia.

"Penekanan terhadap peningkatan daya pengeluaran dan daya saingan di peringkat sejagat akan menjadi lebih ketara ketika Malaysia giat berusaha untuk mencapai matlamat jangka panjangnya bagi mencapai status negara maju menjelang 2020," katanya.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) adalah agensi yang telah dipertanggungjawabkan dengan menghasilkan pelan itu yang dibina di atas kejayaan Pelan Induk Perindustrian yang Pertama antara 1986-1995.

Yang turut hadir pada majlis pelancaran berkenaan ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan, menteri kabinet, pegawai kerajaan serta pemimpin industri dan diplomat asing.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata PIP2 memberi penekanan terhadap pembangunan asas-asas ekonomi dengan menggalakkan penubuhan syarikat-syarikat Malaysia yang berorientasikan eksport dan dapat membantu membangunkan industri tempatan ke arah meningkatkan eksport negara. -- BERNAMA

MR MA NMO